

30 JAN 2001

Menteri-Pelantikan

DUA MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI BARU MENGANGKAT SUMPAH

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Dua Menteri dan dua Timbalan Menteri yang baru hari ini menerima surat cara pelantikan serta mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Istana Negara di sini.

Upacara itu yang berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri-menteri Kabinet.

Kesemua yang dilantik itu juga mengangkat sumpah menyimpan rahsia.

Mereka yang mengangkat sumpah sebagai Menteri ialah Menteri Hal Ehwal Wanita Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Shahrizat, sebelum dilantik mengetuai Kementerian baru itu merupakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri manakala Abdul Hamid yang dilantik menjadi anggota Dewan Negara Selasa lepas, ialah bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM).

Abdul Hamid menggantikan Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang meletakkan jawatan dan kemudian dilantik sebagai Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.

Dua orang yang dilantik sebagai Timbalan Menteri ialah setiausaha kerja Umno Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor (di Jabatan Perdana Menteri) dan presiden PPP Senator Datuk M. Kayveas (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Pelantikan mereka diumumkan pada 17 Jan lepas.

Turut hadir ialah Yang di-Pertua Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail, Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Michael Chen, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah dan Peguam Negara Datuk Ainum Mohd Saaid.

Sementara itu berpuluh-puluh anggota Parti Progresif Rakyat (PPP) berkumpul di luar pintu pagar Istana Negara bagi memberi sokongan moral kepada Kayveas yang merupakan Presiden parti ini.

Keadaan itu menyebabkan berlaku sedikit kesesakan jalan raya kerana pemandu memperlahankan kenderaan masing-masing ekoran bilangan orang yang agak luar biasa yang berkumpul di hadapan pintu istana.

-- BERNAMA

AKT ZS PR